

**PERKEMBANGAN POLITIK BUMIPUTERA
DI SABAH 1963-1999**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

**PERKEMBANGAN POLITIK BUMIPUTERA
DI SABAH 1963-1999**

PENGIRAN ABU BAKRIN BIN PENGIRAN OMAR



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 JUN 2009

Pengiran Abu Bakrin Bin Pengiran Omar
PS00-003-198



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **PENGIRAN ABU BAKRIN BIN PENGIRAN OMAR**

NO. MATRIKS : **PS00-003-198**

TAJUK : **PERKEMBANGAN POLITIK BUMIPUTERA
DI SABAH 1963-1999**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

TARIKH VIVA : **25 JUN 2009**

DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA**
Prof. Dr. Sabihah Binti Osman

2. **PENYELIA BERSAMA**
Encik Zaini Bin Othman

Tandatangan



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Rabbal-'Alamin kerana atas inayahNya dapat saya menyiapkan disertasi ini. Ungkayah untuk menghasilkan disertasi ini mungkin tidak kecapaian tanpa sumbangan beberapa pihak.

Penghargaan yang tidak terhingga saya rakamkan kepada penyelia utama kajian, Professor Dr. Sabihah Binti Osman yang banyak mencurahkan ilmu, malah tanpa jemu membimbing, memberi tunjuk ajar, membuat teguran dan nasihat yang amat berguna sehingga kajian dapat disiapkan. Terima kasih juga kepada Saudara Zaini Bin Othman selaku penyelia kedua yang memberi tunjuk ajar dari perspektif politik demi kemantapan kajian.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada kakitangan Perpustakaan Tun Fuad Stephens, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Papar, Arkib Negeri Sabah dan Muzium Sabah yang banyak memberi kerjasama bagi memudahkan pencarian maklumat 'Primer' dan 'Sekunder' untuk kelancaran kajian ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada kakitangan ibu pejabat penerangan parti USNO, BERJAYA, PBS dan UMNO yang membenarkan saya mendapatkan bahan rujukan berkaitan dengan perkembangan parti masing-masing. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada pemimpin UMNO Papar dan kakitangan pejabat penerangan UMNO Papar yang sering memberikan maklumat dan sokongan agar kajian dapat dijalankan dengan lancar.

Penghargaan ini dititipkan juga buat ibu Hajjah Dayang Bibah Binti Haji Ampuan Abdullah dan ayah Haji Pengiran Omar Bin Haji Pengiran Ahmad. Kasih sayang dan doa kalian terlalu bernilai dan tetap ku abadikan hingga keakhirnya. Begitu juga abang Haji Pengiran Othman, kakak Hajjah Dayang Minah, adik Awang Bahrin, adik Dayang Ku Nazirah dan adik Pengiran Ali yang menjadi pemangkin dan pembakar semangat untuk kejayaan ini.

Penghargaan juga buat isteri tersayang Hajjah Dayang Usnah Binti Haji Pengiran Daud yang menjadi pendorong dalam hidup ini dan sentiasa berkorban dan memberi galakan. Begitu juga dengan anak-anak tersayang Pengiran Ismail, Dayang Ku Nurazzah dan Dayang Ku Nuradibah. Jadilah insan yang berguna kepada Allah, ibu bapa, masyarakat dan negara

Terakhir, ucapan jutaan terima kasih buat semua 'dangsanak' yang mahukan 'perubahan', rakan-rakan yang memberikan buah fikiran dan semua pihak yang terlibat secara 'formal' dan 'informal' dalam menjayakan disertasi ini.

"Sesungguhnya, atas setiap kepayahan, ada beribu lagi nikmatNya..."

HJ PG ABU BAKRIN HJ PG OMAR,
2009M / 1430H

ABSTRAK

PERKEMBANGAN POLITIK BUMIPUTERA DI SABAH 1963-1999

Kajian ini membincangkan perkembangan politik bumiputera di Sabah yang sering bergelumbang dengan persaingan dan pertelingkahan khususnya dalam kalangan pemimpin bumiputera itu sendiri. Fokus kajian adalah antara tahun 1963 hingga tahun 1994 berkaitan dengan konflik kepimpinan bumiputera sering berlaku dalam pucuk pimpinan parti dan kerajaan yang diterajui oleh parti USNO, BERJAYA dan PBS. Manakala pada tahun 1994 hingga tahun 1999, kerajaan BN yang didominasi oleh UMNO melaksanakan sistem 'penggiliran Ketua Menteri' dengan tujuan untuk memuaskan hati semua kaum. Konflik dalam kalangan bumiputera semakin berkurangan kerana semangat muhibah dan kongsi-kuasa antara parti komponen BN dan lebih berfokus kepada agenda pembangunan negeri. Sistem tersebut akhirnya dimansuhkan pada bulan Mac 2004 dan 'perkongsian kuasa' BN masih berjaya dilaksanakan. Namun demikian, keutuhan dan pemerintahan kerajaan BN belum tentu terjamin untuk selamanya. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada kejayaan pemimpin bumiputera untuk terus kekal sebagai tunjang kepada pentadbiran negeri walaupun sering bersilih ganti melalui pemerintahan USNO, BERJAYA, PBS dan UMNO iaitu sejak tahun 1963 hingga tahun 1999. Di samping itu, kedinamikan politik bumiputera terus bertahan walaupun penuh dengan konflik dalam memastikan pemimpinnya sebagai Ketua Menteri diberi tumpuan. Sesungguhnya, perkaitan antara parti politik sebagai saluran, pemimpin sebagai penggerak dan pilihan raya sebagai pentas sememangnya mempunyai pertautan demi pembangunan negeri Sabah.

ABSTRACT

This study discusses the political development of bumiputeras in Sabah, particularly with regards to rivalry and conflicts among the bumiputera leaders. The scope of this study is divided into two stages. The first stage is between 1963 until 1994, the period of the time when the top ranking bumiputera leaders of the ruling parties, USNO, BERJAYA and PBS were in discord with each other. Meanwhile, the second stage is between 1994 until 1999 i.e. when the UMNO dominated Barisan Nasional government introduced and implemented the 'Chief Minister Rotation System' to pacify the differences between ethnic groups. Due to the spirit of goodwill and power sharing policy, the conflicts were subsequently subdud. In the end, the rotation system was abolished. Nonetheless, the 'power sharing' of BN is still maintained. Despite that, the integrity and the reign of the BN government are not to remain unchallenged. Therefore, this research seeks to examine the success of the bumiputera leaders in continuing to be the backbone of the state administration albeit through numerous changing of the ruling parties between USNO, BERJAYA, PBS and UMNO. However, this research is only focused on those bumiputera leaders who have held the post of Sabah Chief Minister. Indeed, the correlation between political party as a channel, leader as an agent of change and election as a platform are undeniably crucial for future development of Sabah.



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK TESIS	i
PENGAUKAN CALON	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI CARTA	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI LAMBANG	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI PETA	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB I PENGENALAN	
1.1 Mukadimah	1
1.2 Persoalan Kajian	9
1.3 Kerangka Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Sorotan Literatur	14
1.7 Metodologi Kajian	26
1.8 Skop Kajian	27
1.9 Pembahagian Bab	29
1.10 Penutup	31
BAB II BUMIPUTERA: PEMIMPIN DALAM POLITIK MALAYSIA	
2.1 Pendahuluan	33
2.2 Politik Bumiputera di Malaysia, 1963-1999	36
2.3 Bumiputera di Sabah	48
2.4 Penutup	56
BAB III SABAH: SEJARAH DAN LATAR BELAKANG MASYARAKAT	
3.1 Pendahuluan	58
3.2 Latarbelakang Sejarah	58
3.3 Institusi Politik	70
3.4 Latarbelakang Masyarakat	74
3.5 Latarbelakang Sistem Pendidikan di Sabah	84
3.6 Penutup	91

BAB IV	PERKEMBANGAN AWAL POLITIK BUMIPUTERA DI SABAH, 1881-1963	
4.1	Pendahuluan	94
4.2	Sistem Politik Tempatan Sehingga Tahun 1881	95
4.2.1	Sistem Politik Jajahan Kesultanan Brunei di Sabah	96
4.2.2	Sistem Politik Jajahan Kesultanan Sulu di Sabah	101
4.2.3	Sistem Politik Etnik di Sabah	104
4.2.4	Sistem Politik 'Ketua Bebas' di Sabah	104
4.3	Politik Bumiputera Era Syarikat Berpiagam British Borneo Utara, 1881-1941	111
4.4	Politik Bumiputera Era Pendudukan Jepun di Sabah, 1941-1946	129
4.5	Politik Bumiputera Era Koloni British di Sabah, 1946-1963	134
4.6	Kesedaran Awal Tentang Nasionalisme	139
4.7	Kemunculan Awal Organisasi Politik di Sabah	146
4.7.1	United National Kadazan Organization	148
4.7.2	United Sabah National Organization	151
4.7.3	Sabah Chinese Association	153
4.7.4	United National Pasok Momogun Organization	153
4.8	Perikatan Sabah Sebelum Merdeka	155
4.9	Penubuhan Malaysia	157
4.9.1	Reaksi Terhadap Cadangan Malaysia	158
4.9.2	Langkah-langkah ke Arah Pembentukan Malaysia	159
4.10	Penutup	164
BAB V	POLITIK BUMIPUTERA SABAH: ERA PERIKATAN, 1963-1976	
5.1	Pendahuluan	169
5.2	Politik Bumiputera Era Perikatan di Sabah, 1963-1967	172
5.3	Politik Bumiputera Era Perikatan di Sabah, 1967-1976	194
5.4	Penutup	212
BAB VI	POLITIK BUMIPUTERA SABAH: ERA BERJAYA, PBS DAN UMNO, 1976-1999	
6.1	Pendahuluan	213
6.2	Politik Bumiputera Sabah Era BERJAYA, 1976-1985	213
6.3	Politik Bumiputera Sabah Era PBS, 1985-1994	245
6.4	Politik Bumiputera Era UMNO, 1994-1999	281
6.5	Penutup	308
BAB VII	"BUMIPUTERA" DALAM POLITIK SABAH: ANALISIS KAJIAN	
7.1	Pendahuluan	314
7.2	Perkembangan Politik Bumiputera Sabah yang Menjadi Tunjang Politik di Sabah	314
7.2.1	Perkembangan Politik Bumiputera Era Perikatan Sabah, 1963-1976	315
7.2.2	Perkembangan Politik Bumiputera Era BERJAYA,	320

	1976-1985	
7.2.3	Perkembangan Politik Bumiputera Era PBS, 1985-1994	323
7.2.4	Perkembangan Politik Bumiputera Era UMNO, 1994-1999	328
7.3	Keberkesanan Pemimpin Bumiputera yang Menjadi Ketua Menteri Sabah ke Arah Pembangunan Bersepadu	329
7.3.1	Datuk Donald Stephens, 1963-1965	333
7.3.2	Tun Datu Mustapha Datu Harun, 1967-1975	336
7.3.3	Tun Sri Mohd Said Keruak, 1975-1976	341
7.3.4	Tun Hj Mohd Fuad Stephens, 1976	341
7.3.5	Datuk Harris Mohd Salleh, 1976-1985	343
7.3.6	Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, 1985-1994	346
7.3.7	Tan Sri Sakaran Dandai, 1994	353
7.3.8	Datuk Mohd Salleh Tun Mohd Said, 1994-1996	355
7.3.9	Tan Sri Bernard G. Dompok, 1998-1999	359
7.3.10	Datuk Seri Panglima Osu Hj Sukam, 1999-2000	360
7.4	Konflik Kepimpinan Bumiputera yang Melengahkan Proses Pembangunan di Sabah	360
7.4.1	Konflik Kepimpinan Era Perikatan, 1963-1976	367
7.4.2	Konflik Kepimpinan Bumiputera Era BERJAYA, 1976-1985	364
7.4.3	Konflik Kepimpinan Bumiputera Era PBS, 1985-1994	367
7.4.4	Konflik Kepimpinan Bumiputera Era UMNO, 1994-1999	372
7.5	Penutup	373
BAB VIII	KESIMPULAN	375
BIBLIOGRAFI		388
LAMPIRAN		404

SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 4.1 Carta Aliran Sistem Pentadbiran Awal Sabah Sehingga 1881	97
Carta 4.2 Struktur Syarikat Berpiagam British Borneo Utara, 1881 – 1915	113
Carta 4.3 Struktur Pentadbiran Koloni British 1946 – 1963	135
Carta 4.4 Sistem Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah 1963 – 1999	138
Carta 7.1 Peratus Keputusan Pilihan Raya Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran di Sabah Antara Bulan Disember 1962 Hingga Bulan Mei 1963	316
Carta 7.2 Peratus Keputusan Pilihan Raya Negeri Sabah 1964	317
Carta 7.3 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1967	318
Carta 7.4 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1976	320
Carta 7.5 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1981	321
Carta 7.6 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1985	322
Carta 7.7 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1986	324
Carta 7.8 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1990	325
Carta 7.9 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1994	327
Carta 7.10 Peratus Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1999	328

SENARAI GAMBAR

	Halaman	
Gambar 4.1	Mat Salleh	114
Gambar 4.2	Tugu Peringatan Pahlawan Antanum	117
Gambar 5.1	Ketua Menteri Sabah Pertama	179
Gambar 5.2	Ketua Menteri Sabah Ketiga	196
Gambar 5.3	Ketua Menteri Sabah Keempat	210
Gambar 6.1	Ketua Menteri Sabah Kelima	226
Gambar 6.2	Ketua Menteri Sabah Keenam	230
Gambar 6.3	Ketua Menteri Sabah Ketujuh	250
Gambar 6.4	Sepanduk Menentang Pembubaran	252
Gambar 6.5	Harris Salleh dan Hamid Mustapha Mengetuai Perarakan	253
Gambar 6.6	Tunjuk Perasaan di Depan Masjid pada 14 Mac 1986	254
Gambar 6.7	Perarakan Telah Bergerak daripada Kawasan Sembulan ke Bandar Kota Kinabalu	255
Gambar 6.8	Orang Ramai dan Pihak Polis Menyelamatkan Sebuah Kereta daripada Turut Terbakar Akibat Tindakan Ganas Golongan yang Tidak Puashati Terhadap Kerajaan PBS	256
Gambar 6.9	Sebuah Stesen Minyak di Sandakan Musnah Akibat Letupan Bom. Seorang Mati dan Beberapa Orang Cedera Akibat Letupan ini	257
Gambar 6.10	Asap Akibat Bom yang Dilakukan oleh Pihak yang Tidak Puashati Kelihatan Berhampiran Kompleks Karamunsing, Kota Kinabalu	258
Gambar 6.12	Ketua Menteri Kelapan	289

Gambar 6.13	Ketua Menteri Kesembilan	295
Gambar 6.14	Ketua Menteri Kesebelas	301
Gambar 6.15	Ketua Menteri Keduabelas	306



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 3.1	Populasi Penduduk Sabah, 1891-1991	75
Jadual 3.2	Jumlah Sekolah di Sabah, 1946 - 1963	87
Jadual 3.3	Jumlah Sekolah di Sabah, 1963-1980	89
Jadual 5.1	Keputusan Pilihan Raya Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran di Sabah Antara Bulan Disember 1962 Hingga Bulan Mei 1963	177
Jadual 5.2	Keputusan Pilihan Raya Negeri Sabah 1964	186
Jadual 5.3	Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1967	193
Jadual 6.1	Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1976	222
Jadual 6.2	Jumlah Undi Mengikut Bilangan Pengundi	223
Jadual 6.3	Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1981	236
Jadual 6.4	Keputusan Pilihan raya ADUN Sabah 1985	243
Jadual 6.5	Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1986	261
Jadual 6.6	Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1990	265
Jadual 6.7	Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1994	279
Jadual 6.8	Keputusan Pilihan Raya ADUN Sabah 1999	304
Jadual 7.1	Ketua Menteri Sabah: Tempat Lahir, Kaum dan Bangsa	329
Jadual 7.2	Ketua Menteri Sabah: Pendidikan dan Kerjaya	330
Jadual 7.3	Tempoh Pemerintahan Ketua Menteri Sabah, 1963-1999	332

SENARAI LAMBANG

	Halaman
Lambang 3.1 Syarikat Chartered Borneo Utara British (1841 - 1946)	67
Lambang 3.2 British North Borneo Colony (1946 - 1963)	68
Lambang 3.3 Negeri Sabah (31 Ogos 1963 – 31 Disember 1981)	69
Lambang 3.4 Negeri Sabah 1982 – 1985	69
Lambang 3.5 Negeri Sabah 1985 – Sekarang	70
Lambang 5.1 Parti USNO	174
Lambang 6.1 Parti BERJAYA	219
Lambang 6.2 Parti PBS	247
Lambang 6.3 Parti UMNO	284
Lambang 6.4 Barisan Nasional	287



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran A	<i>The Twenty Points</i>	404
Lampiran B	<i>The Constitution Of The State Of Sabah</i>	407
Lampiran C	Perlembagaan Persekutuan Malaysia	433
Lampiran D	Senarai Ringkasan Keputusan Pilihan Raya ADUN, 1963-2008	437
Lampiran E	Senarai Ketua Menteri Sabah 1963-2008	438
Lampiran F	Senarai Governor North Borneo, 1881-1963	439
Lampiran G	Senarai Yang Di-Pertua Negeri Sabah, 1963-2008	441
Lampiran H	Senarai Parti-Parti Politik Di Sabah	442
Lampiran I	Kumpulan Bumiputera Sabah	443



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

		Halaman
Peta 3.1	Brunei Tua	61
Peta 3.2	Wilayah Sabah yang Dikuasai oleh Sultan Brunei dan Sultan Sulu, 1877-1878	65




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AKAR	Angkatan Keadilan
ATC	American Trading Company
BARIP	Barisan Pemuda
BARIP-S	Barisan Pemuda Sabah
BERJAYA	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
BMA	British Military Administration
BN	Barisan Nasional
BNBC	British North Borneo Colony
BNBCC	British North Borneo Chartered Company
BUNAP	The Borneo Utara National Party
CDO	Community Development Officer
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
IGC	Inter-Government Committee
IMP	Independence of Malaya Party
ISA	Akta Keselamatan dalam Negeri
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
KDM	Kadazan Dusun Murut
KKIP	Taman Perindustrian Kota Kinabalu
KPD	Koperasi Pembangunan Desa
KOJASA	Koperasi Jelata Sabah Berhad
KO-NELAYAN	Koperasi Serbaguna Nelayan Sabah
KORAS	Koperasi Rakyat Sabah
KOSAN	Koperasi Serbaguna
LDP	Liberal Democratic Party
LPN	Lembaga Padi Dan Beras Negara
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MPKKAN	Majlis Penasihat Ketua-Ketua Anak Negeri
MSCC	Malaysia Solidarity Consultative Committee
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah
NCAD	Native Chiefs' Advisory Council
NOC	Nasional Operations Council
OKK	Orang Kaya-Kaya
PBRs	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	Parti Bersatu Sabah
PDS	Parti Demokratik Sabah
PASPAM	Persatuan Persaudaraan Sahabat Pena Malaysia
PEKEMAS	Parti Keadilan Malaysia
PERTIWISA	Pusat Khidmat Wanita
PKR	Pemimpin Kemajuan Rakyat
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKML	Parti Kebangsaan Melayu Labuan
PKM-S	Parti Kebangsaan Melayu Sabah
RMK	Rancangan Malaysia Kedua

RPSMS	Rangka Pembangunan Strategik Maritim Sabah
SAFODA	Lembaga Perhutanan Sabah
SAMA	Perbadanan Pemasaran Sabah
SANAP	Sabah National Party
SAPP	Sabah Progressive Party
SCA	Sabah Chinese Association
SIC	Sabah Indian Congress
SUPP	Sarawak United People's Party
TPPD	Timbalan Penolong Pegawai Daerah
UMNO	United Malay National Organization
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UN	United Nation
UNKO	United National Kadazan Organization
USAP	Union Of Sabah People's Party
USNO	United Sabah National Organization
UPMO	United National Pasok Momugun Organization (Pasok Momugun)
UPKO	United Pasok Momugun Kadazan Organization
USIA	United Sabah Islamic Association



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Mukadimah

Secara sejarahnya, kesedaran politik dalam kalangan penduduk bumiputera Sabah sudah wujud sejak awal zaman penjajahan British iaitu antara tahun 1881 hingga tahun 1941. Walau bagaimanapun, pada ketika itu tidak ada gerakan politik secara berorganisasi. Pertubuhan yang ada lebih menjurus kepada gerakan dalam bidang keagamaan, persuratan dan kebudayaan yang bertujuan untuk menyuarakan dan membangkitkan semangat berpolitik, khususnya dalam hal-hal pemerintahan dan pentadbiran.¹

Beberapa cawangan organisasi persuratan dan kebudayaan juga telah ditubuhkan di beberapa daerah di Sabah dan akhirnya cawangan-cawangan tersebut telah bersatu dan berusaha untuk menubuhkan organisasi yang lebih besar.² Kegiatan ke arah bidang politik semakin meluas walaupun dalam gerakan berpersatuan secara keagamaan, persuratan dan kebudayaan. Semangat kebangsaan yang berlaku di Tanah Melayu dan Indonesia khususnya selepas Perang Dunia Kedua telah berjaya mempengaruhi suasana di Sabah.³ Sebagai contoh, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Barisan Pemuda Brunei (BARIP) telah membuka cawangan atas nama Parti Kebangsaan Melayu Sabah

¹ Salah satu contoh persatuan awal masyarakat bumiputera ialah Persekutuan Muslim Jesselton yang ditubuhkan pada 28 Januari 1933. Persekutuan tersebut telah dipimpin oleh Mohammad Yaakub dan Haji Mohammad Shamsudin Osman. (*Herald*, 1934. 1 Februari; 24) Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk juga Sabihah Osman, *Perkembangan Politik Sabah*, dalam Hairi Abdullah, Abdul Samad Hadi dan Zulkifli Haji Mustapha, *Sabah: Perubahan Dalam Pembangunan*, UKM – Yayasan Sabah, 1986, hlm. 71.

² Persatuan yang bersifat kebudayaan adalah seperti Persatuan Sahabat Pena Malaya yang telah ditubuhkan pada tahun 1939. Beberapa cawangan persatuan tersebut telah dibuka khususnya di Jesselton, Tawau dan Labuan dan kebanyakan anggotanya terdiri dari peniaga, guru, pegawai rendah yang beragama Islam. (Sabihah Osman, *Perkembangan Politik Sabah...*, op. cit., hlm. 74)

³ Pertubuhan yang berasaskan politik sudah mula di Tanah Melayu dan Indonesia sekitar 1930an dan pengaruhnya telah sampai ke Sabah pada awal 1940an.

(PKMS) dan Barisan Pemuda Sabah (BARIP Sabah) di beberapa daerah termasuk di Labuan, Jesselton (Kota Kinabalu) dan tempat-tempat lain dalam tahun 1946.⁴

Pada tahun 1948, Khairat Jumaat Muslim telah ditubuhkan oleh Imam Suhaili dengan harapan dapat mengenegahkan isu-isu yang berkaitan dengan kaum bumiputera Islam. Pergerakan persatuan bukan sahaja di Pantai Barat Sabah, tetapi juga telah merebak ke Pantai Timur Sabah. Persatuan Muslimin Wallace Bay ditubuhkan pada tahun 1953 dan dua tahun kemudian satu lagi persatuan Islam telah ditubuhkan di Tawau dengan nama Persatuan Islam Tawau. Manakala di Jesselton, Pesatuan Ikhwanul Muslimin yang beroperasi di Singapura telah membuka cawangannya.⁵ Selepas itu Persatuan Islam Putatan dan Persatuan Islam Sembulan ditubuhkan pada tahun 1960 dan bergerak demi memperbanyakkan aktiviti keagamaan. Setahun kemudian, Persatuan Islam Tamparuli pula diasaskan oleh masyarakat Kadazan Dusun Islam.⁶

Dalam pada itu, dasar pentadbiran dan pemerintahan penjajah adalah jelas iaitu kurang menggalakkan penduduk tempatan terlibat dalam apa jua bentuk gerakan yang berbau politik. Hal ini bertujuan untuk membendung dan mengawal semangat dan kegiatan tokoh-tokoh bumiputera serta mengawal perkembangan pertubuhan-pertubuhan politik tempatan. Namun demikian, beberapa tokoh bumiputera telah meneruskan usaha melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan keagamaan.⁷

⁴ Sabihah Osman, *Perkembangan Politik Sabah*, dalam Hairi Abdullah, Abdul Samad Hadi dan Zulkifli Haji Mustapha, *Sabah: Perubahan Dalam Pembangunan*, UKM – Yayasan Sabah, 1986, hlm. 73

⁵ Selain persatuan Islam, persatuan yang berbentuk kebudayaan juga telah muncul. Sebagai contoh ialah Angkatan Gaya Baru (AGABA) yang dipimpin oleh K. Bali telah ditubuhkan pada tahun 1957. Sila lihat Hamdan Bin Aziz, *Parti Politik USNO & BERJAYA Di Sabah, 1961-1996*, 2005, M.A Thesis, UMS, hlm. 48-50

⁶ *North Borneo News & Sabah Times*, 1961. 10 Jun: 4

⁷ Sebagai contoh ialah Tengku Noordin selaku Yang Dipertua PKM Labuan telah dipindahkan ke Jesselton dengan andaian beliau tidak akan aktif. Namun demikian dengan semangat yang kuat beliau sempat menubuhkan cawangan PKM di Jesselton pada bulan Disember 1946. Lihat juga Sabihah Osman, *Perkembangan Politik Sabah*, dalam Hairi Abdullah, Abdul Samad Hadi dan Zulkifli Haji Mustapha, *Sabah: Perubahan Dalam Pembangunan*, UKM – Yayasan Sabah, 1986, hlm. 80.

Gagasan pembentukan Persekutuan Malaysia⁸ yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 di Hotel Adelphi, Singapura telah memberi ruang kepada bukan sahaja golongan bumiputera, malah juga golongan bukan bumiputera untuk berpolitik.⁹ Menurut Tunku Abdul Rahman,

Lambat laun Tanah Melayu harus bersefahaman dengan Britain dan rakyat-rakyat Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak. Adalah agak terlalu awal untuk saya menyebutkan cara bagaimana persefahaman itu dapat dicapai, namun tidak dapat dielakkan bahawa kita perlu mencapai objektif ini dan memikirkan satu rancangan bagaimana wilayah-wilayah ini dapat kepada satu kerjasama politik dan ekonomi yang rapat.¹⁰

Perkembangan politik pada awal tahun 1960an yang berlaku di Sabah dipengaruhi oleh gerakan merealisasikan gagasan Malaysia dan begitu terarah kepada politik perkauman. Sebagai contoh, antara bulan Mei 1961 hingga 16 September 1963, terdapat sejumlah enam buah parti politik berasaskan perkauman telah ditubuhkan.¹¹ Kewujudan organisasi politik muncul sekitar tahun 1961 hingga tahun 1963 dalam keadaan 'terburu-buru'.¹² Masing-masing kaum

⁸ Gagasan tersebut merupakan suatu gagasan yang mahu mewujudkan percantuman di antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura menjadi sebuah persekutuan baru yang dinamakan Persekutuan Malaysia.

⁹ Pada ketika itu, satu majlis makan tengahari sedang diadakan yang dianjurkan oleh Persatuan Wartawan-wartawan Luar Asia Tenggara.

¹⁰ Sila rujuk Arkib Negara Malaysia, *Gagasan Persekutuan Malaysia. Hari ini Dalam Sejarah*, 1981, Jld II, Percetakan Negara: Kuala Lumpur. Lihat juga *Malaysia Secara Ringkas*, Jabatan Penerangan Malaysia. 16 September 1961, hlm. 134.

¹¹ Parti-parti tersebut ialah United National Kadazan Organization (UNKO), United Sabah National Organization (USNO), United National Pasok Momogun Organization (UPMO), Democratic Party (DP) dan United Party (UP) bagi mewakili Sabah Chinese Association (SCA) dan Sabah Indian Congress (SIC). Pada hakikatnya kaum Cina telah membentuk dua buah partinya sendiri pada tahun 1962. Kedua-dua parti tersebut bergabung membentuk Borneo Utara National Party (BUNAP) pada bulan Oktober 1962 dan sekali lagi parti BUNAP diberi nama baru sebagai Sabah National Party (SANAP). Lihat juga James P. Ongliki, *Political Development In Sabah, 1963-1988*, dalam Jeffrey G. Kitingan dan Maximus J. Ongkili, *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, Institute For Development Studies (IDS) Sabah, 1989, hlm. 62-63.

¹² Hampir kesemua parti politik yang ditubuhkan adalah secara tergesa-gesa iaitu kira-kira dalam tempoh dua tahun (Mulai dari bulan Mei 1961 hingga bulan September 1963). Hal ini adalah kerana para pemimpin bertindak menubuhkan parti adalah semata-mata respon terhadap pembentukan Malaysia.

mahu menyatakan hasrat dan keinginan untuk menyahut gagasan tersebut melalui parti-parti politik tertentu.

Etnik bumiputera di Sabah sememangnya adalah warganegara Malaysia yang menjadi anak cucu kepada seseorang dari suku kaum asli Sabah dan telah lahir di Sabah sama ada pada atau selepas Hari Malaysia.¹³ Etnik bumiputera Sabah ialah Kadazan, Kwijau, Murut, Bajau, Illanun, Melayu, Lotud, Rungus, Tambanuo, Dampas, Maragang, Paitan, Idahan, Minokok, Rumanau, Mangka'ak, Sulu, Orang Sungai, Brunei, Kedayan, Bisaya dan Tidong. Walaupun etnik bumiputera adalah suku kaum asli di Sabah, namun mereka tidak sehaluan pendapat dalam hasrat untuk bersama membentuk Malaysia.

Kemunculan pelbagai organisasi politik yang berunsurkan elemen kaum pada peringkat awal penubuhannya berlaku kerana perbezaan pendapat terhadap pembentukan Malaysia. Secara majoritinya, kumpulan etnik bumiputera Islam telah memberi sokongan padu dan tidak berbelah bagi kepada parti *United Sabah National Organization* (USNO) menyokong pembentukan Malaysia sejak awal rancangan gagasan tersebut.¹⁴ Manakala bumiputera bukan Islam pula telah bersatu sama ada dalam parti *United National Kadazan Organization* (UNKO) mahupun parti *United National Pasok Momogun Organization* (Pasok Momogun-UPMO). Pada peringkat awal gagasan, para pemimpin dan penyokong parti UNKO tidak mempersetujuinya dengan alasan berlakunya penjajahan baru oleh Tanah Melayu selepas penjajah British. Walau bagaimanapun, akhirnya parti

¹³ Konsep bumiputera di Sabah akan diperincikan kemudian dalam bab II berasaskan kepada Perkara 161A (6) Perlembagaan Persekutuan dan Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri Sabah Bab 64)

¹⁴ Walaupun etnik bumiputera Islam menyokong penubuhan Malaysia, USNO juga telah mengemukakan beberapa syarat sebelum menyertai pembentukan persekutuan Malaysia. Isu yang utama sekali ialah hal yang berkaitan dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan, Ketua Negeri mesti bumiputera Islam yang berasal dari Sabah dan Ketua Menteri juga mesti daripada anak negeri Sabah sendiri. Syarat-syarat tersebut tidak menjadi masalah kepada Tunku Abdul Rahman untuk mempertimbangkannya kerana kemahuannya adalah sama dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan dimurnikan ke dalam Perlembagaan Malaysia. Sila lihat Mohd Noor Bin Abdullah, *Kemasukan Sabah Dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia*, 1976, DBP-Kuala Lumpur, hlm. 57.